



LEBIH MUDAH: Muhyiddin (kanan) diberi penerangan mengenai penggunaan kad pintar e-diesel oleh penyelia Persatuan Nelayan Kuantan, Asmizan Sood, ketika melawat LKIM Tanah Putih, semalam.

BH - 7-Jan-2016

Diesel subsidi kekal RM1

Perubahan dibuat hanya jika harga minyak dunia menurun

Oleh Sariha Mohd Ali

KUANTAN: Penjualan minyak diesel subsidi RM1 seliter kepada nelayan menggunakan kad pintar e-diesel yang berkuat kuasa di seluruh negara bermula Ahad lalu, akan terus kekal walaupun harga minyak dunia meningkat.

Perubahan terhadap harga subsidi berkenaan hanya akan berlaku jika harga minyak di pasaran dunia menurun.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata bagi memastikan kemudahan itu tidak diseleweng, ciri keselamatan kad pintar e-diesel ditingkatkan bagi mengelak ia diklon atau dicetak semula.

Beliau berkata, setakat ini, 11,581 permohonan kad pintar e-diesel diterima Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan 8,622 daripadanya diluluskan, 47 permohonan masih menunggu keputusan dan 10 daripadanya ditolak kerana bot tidak didaftarkan dan beroperasi secara haram.

Katanya, pelaksanaan e-diesel memberi banyak kelebihan kerana kerajaan boleh memantau keperluan minyak nelayan selain memastikan mereka mendapat bekalan diperlukan mengikut kuota, mengetahui sama ada bot nelayan terbabit beroperasi atau sebaliknya, merekodkan jumlah tangkapan ikan dan menyekat penyelewengan.

"Jika bot nelayan itu mengambil diesel tetapi tiada tangkapan dilakukan, kita boleh kesan penyelewengan dan tindakan susulan ialah membatalkan kad pintar e-diesel itu serta menggantung lesen tangkapan ikan.

"Sistem ini cukup berkesan kerana kita dapat pastikan nelayan berdaftar dan ada lesen untuk mendapat bekalan minyak yang mereka perlukan berdasarkan kategori bot yang digunakan.

"Bagi kategori zon A, mereka mendapat 2,500 liter diesel sebulan untuk setiap bot, manakala zon B dan C pula ialah 30,000 liter sebulan bagi setiap bot pukut tunda dan 15,000 liter bagi bot pukut jerut," katanya selepas meninjau pelaksanaan sistem e-diesel di

jeti LKIM Tanah Putih di sini, semalam.

Pelaksanaan sistem itu dibuat di semua pusat pendaratan yang dikendalikan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) dan diuruskan Persatuan

Nelayan Kawasan (PNK).

Muhyiddin berkata, sistem e-diesel membabitkan subsidi kerajaan berjumlah RM500 juta setahun itu dapat mengelak kerajaan kerugian RM2 bilion setahun akibat penyelewengan dilakukan pihak tertentu yang menjual diesel kepada pihak lain.

Katanya, kaedah ini membolehkan nelayan membuat perancangan keluar ke laut kerana 70 peratus daripada kos tangkapan ikan membabitkan harga diesel.

"Sebelum ini, nelayan merungut tidak boleh ke laut kerana harga minyak tinggi tetapi sekarang sudah diberi subsidi.

"Kita harap semua pemilik bot segera mendapatkan kad pintar e-diesel dalam bulan ini juga dengan setiap permohonan akan mendapat kad dalam tempoh tiga hari secara percuma.

"Jika nelayan yang rajin ke laut mau kuota ditingkatkan, kita akan kaji semula dan sedia meluluskannya kerana sistem ini bertujuan menggalakkan mereka meningkatkan hasil tangkapan tanpa bebanan kos," katanya.

FAKTA NOMBOR

Permohonan Kad Pintar e-diesel

11,581

Diterima

8,622

Dilulus

47

Tunggu keputusan

10

Ditolak